



# LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

*Malaysian Palm Oil Board*

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi  
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (03)04/C/PD/656/4 Jil. 6

1 Disember 2021

**Pk (EL) MPOB 02/2021**

Semua Pemegang Lesen Kategori:

1. Tapak Semaian (NN),
2. Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS),
3. Penghasil Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (NT),
4. Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit dan Anak Benih Kelapa Sawit (DN); dan
5. Peniaga Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (DT).

Tuan,

**PENGUATKUASAAN PINDAAN SYARAT LESEN BAGI PEMEGANG LESEN KATEGORI TAPAK SEMAIAN (NN), PENGHASIL BIJI BENIH KELAPA SAWIT (NS), PENGHASIL TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT (NT), PENIAGA BIJI BENIH KELAPA SAWIT DAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT (DN); DAN PENIAGA TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT (DT) IAITU PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN BORANG AKUAN JUALAN DAN PENERIMAAN BAHAN TANAMAN KELAPA SAWIT**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-116 yang diadakan pada 2 April 2021 telah bersetuju menguatkuasakan penggunaan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit bagi setiap transaksi jualan bahan tanaman kelapa sawit bagi pemegang lesen kategori Tapak Semaian (NN), Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS), Penghasil Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (NT), Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit Dan Anak Benih Kelapa Sawit (DN) dan Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (DT).

3. Sehubungan itu, Lembaga akan menguatkuasakan pindaan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2021 [Pk (EL) MPOB 02/2021] mulai 1 Januari 2022.**

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2021 (Pk (EL) MPOB 02/2021) bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.



5. Sukacita dimaklumkan bahawa Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit boleh dibeli dengan harga RM20.00 di Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan, Wisma Sawit, Kelana Jaya, Selangor (sila berhubung dengan En. Nurul Anuar Azman di talian 03-78022712 atau En. Mohamed Fadzli Ibrahim di talian 03-78022961).

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,



**DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah MPOB

s.k.

- i. Pengerusi MPOB
- ii. Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) KPPK
- iii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA)
- iv. Setiausaha Eksekutif Persatuan Penanam-Penanam Malaysia Timur (EMPA)
- v. Setiausaha Eksekutif Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (NASH)
- vi. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEOA)
- vii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pemilik-Pemilik Ladang Kelapa Sawit Sarawak (SOPPOA)
- viii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA)
- ix. Setiausaha Eksekutif Pergabungan Persatuan Peladang (ISP)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling : Pk (EL) MPOB 02/2021

Tarikh Kuatkuasa : 1 Januari 2022

Perkara : **PENGUATKUASAAN PINDAAN SYARAT LESEN IAITU  
PENGUNAAN BORANG AKUAN JUALAN DAN  
PENERIMAAN BAHAN TANAMAN KELAPA SAWIT BAGI  
PEMEGANG LESEN KATEGORI:**

- 1. TAPAK SEMAIAN (NN),**
- 2. PENGHASIL BIJI BENIH KELAPA SAWIT (NS),**
- 3. PENGHASIL TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA  
TISU KELAPA SAWIT (NT),**
- 4. PENIAGA BIJI BENIH KELAPA SAWIT DAN  
ANAK BENIH KELAPA SAWIT (DN); DAN**
- 5. PENIAGA TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA  
TISU KELAPA SAWIT (DT).**

## **1.0 TUJUAN**

1.1 Untuk memaklumkan penguatkuasaan penggunaan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit bagi setiap transaksi jualan bahan tanaman kelapa sawit bagi pemegang lesen kategori Tapak Semai (NN), Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS), Penghasil Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (NT), Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit Dan Anak Benih Kelapa Sawit (DN) dan Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (DT).

## **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Industri kelapa sawit yang bermula daripada rangkaian penghasilan bahan tanaman kelapa sawit sehingga pengeksportan keluaran kelapa sawit perlu dikawal selia bagi memastikan pembangunan industri yang teratur dan menjamin kualiti keluaran kelapa sawit yang dihasilkan. Penghasilan bahan tanaman kelapa sawit yang bermutu dan urusniaga yang menggunakan bahan tanaman yang tulen adalah amat penting dalam menjamin kualiti buah kelapa sawit yang dikeluarkan.

2.2 Sehubungan itu, MPOB sentiasa menjalankan operasi dan pemeriksaan penguatkuasaan untuk memastikan penjualan bahan tanaman kelapa sawit yang tulen kepada pembeli dan tidak berlaku manipulasi penjualan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 03-78061485. [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- 2.3 Hasil kajian maklumat operasi penguatkuasaan dan mengambil kira pandangan industri kelapa sawit, Mesyuarat Lembaga ke-116 pada 2 April 2021 bersetuju menguatkuasa penggunaan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga ke atas pemegang lesen kategori NN, NS, NT, DN dan DT.
- 2.4 Penggunaan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit bertujuan untuk mengawalselia penjualan dan pengalihan bahan tanaman kelapa sawit. Maklumat yang diperolehi akan membolehkan asal usul bahan tanaman kelapa sawit dijejaki bagi mengesahkan ketulenan bahan tanaman tersebut.

### **3.0 PENGUATKUASAAN PINDAAN SYARAT LESEN**

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasa syarat lesen di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 bagi pemegang lesen kategori NN, NS, NT, DN dan DT seperti berikut:

#### **3.1.1 Pindaan syarat lesen kategori **Tapak Semaian (NN)****

Syarat lesen sedia ada:

“Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan anak benih kelapa sawit disertakan dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit yang diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.”

Syarat lesen selepas pindaan:

“Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan anak benih kelapa sawit disertakan dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dan diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.”

#### **3.1.2 Pindaan syarat lesen kategori **Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS)****

Syarat lesen sedia ada:

“Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan biji benih kelapa sawit disertakan dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit yang diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.”

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 03-78061485. [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Syarat lesen selepas pindaan:

“Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan biji benih kelapa sawit disertakan dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dan diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.”

**3.1.3 Pindaan syarat lesen kategori Penghasil Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (NT)**

Syarat lesen sedia ada:

“Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit disertakan dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit yang diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.”

Syarat lesen selepas pindaan:

“Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit disertakan dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dan diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.”

**3.1.4 Pindaan syarat lesen kategori Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit Dan Anak Benih Kelapa Sawit (DN)**

Syarat lesen sedia ada:

“Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan biji benih kelapa sawit dan anak benih kelapa sawit disertakan dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit yang diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.”

Syarat lesen selepas pindaan:

“Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan biji benih kelapa sawit dan anak benih kelapa sawit disertakan dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dan diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.”

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 03-78061485. [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

**3.1.5 Pindaan syarat lesen kategori Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (DT)**

Syarat lesen sedia ada: Tiada.

Syarat lesen selepas pindaan:

“Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit disertakan dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dan diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.”

- 3.2 Pemegang lesen dikehendaki menggunakan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit sebagaimana yang ditetapkan dan dicetak oleh Lembaga, dilampirkan contoh borang untuk rujukan. Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit boleh dibeli dengan harga RM20.00 daripada Lembaga di alamat seperti berikut:**

Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan  
Wisma Sawit, Tingkat 4,  
Lot 6, SS6,  
Jalan Perbandaran,  
47301 Kelana Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

- 3.3 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar syarat-syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.**

**4.0 PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2021 [Pk (EL) MPOB 02/2021] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori Tapak Semaian (NN), Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS), Penghasil Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (NT), Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit Dan Anak Benih Kelapa Sawit (DN) dan Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit (DT).

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 03-78061485. [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

**5.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2022**.

**6.0 PENGESAHAN DAN KELULUSAN**



**DATUK DR. AHMAD PARVEEZ H.J. GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah MPOB

Tarikh: 01/12/2021

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 03-78061485. [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



M P O B

No. Siri:

AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA, 1986 (AKTA 682)  
PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2006  
PERATURAN 21 (1)

**BORANG AKUAN JUALAN DAN PENERIMAAN BAHAN TANAMAN KELAPA SAWIT**  
(Borang Asal Ini Mesti Diberikan Kepada Pembeli)

**MAKLUMAT PENJUAL**

1. Nama Pemegang Lesen : .....
2. Alamat : .....
3. No. Lesen : .....
4. No. Siji / CoPN (Jika Berkemungkinan) : .....
5. **Maklumat Jualan Bahan Tanaman Kelapa Sawit**  
 Jumlah Unit Dijual i) Biji Benih Kelapa Sawit : .....  
 (Mengikut Konsainan) ii) Anak Benih Kelapa Sawit : .....  
 \*(daripada Biji Benih Kelapa Sawit / Tisu Kelapa Sawit)  
 (iii) Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit : .....
6. Sumber Bekalan Bahan Tanaman Kelapa Sawit : .....
7. Tarikh Belian Bahan Tanaman Kelapa Sawit : .....
8. Maklumat Hantaran: No. Invois / Nota Penghantaran : .....  
 Tarikh Penghantaran : .....  
 Jenama Bahan Tanaman Kelapa Sawit yang dijual : .....
9. .....

Saya memperakui dan mengesahkan bahawa keterangan di atas adalah benar dan lengkap.

.....  
(Tandatangan Penjual) Tarikh : .....

\*Potong mana yang tidak berkenaan

**MAKLUMAT PEMBELI**

1. Nama : .....
2. Alamat : .....
3. No. Lesen/No. Syarikat / No. Kad Pengenalan : .....
4. **Maklumat Belian Bahan Tanaman Kelapa Sawit**
5. Jumlah Unit Dibeli i) Biji Benih Kelapa Sawit : .....  
 (Mengikut Konsainan) ii) Anak Benih Kelapa Sawit : .....  
 \*(daripada Biji Benih Kelapa Sawit / Tisu Kelapa Sawit)  
 (iii) Tumbuh-tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit : .....
6. Premis penanaman kelapa sawit : .....
7. Keluasan (hektar) : .....
8. No. Resit Belian (jika ada) : .....

Saya memperakui dan mengesahkan bahawa keterangan di atas adalah benar dan lengkap.

.....  
(Tandatangan Pembeli) Tarikh : .....